

1103/1
BAHASA MELAYU
Kertas 1
Ogos 2011
2 ¼ jam



BAHAGIAN PENGURUSAN
SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua Jam Lima Belas Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
 2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan daripada **Bahagian B**.*
 3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
 4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
-

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak.

[Lihat Halaman Sebelah

Bahagian A

[Masa yang dicadangkan : 45 minit]

[30 markah]

*Baca petikan ringkas di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **usaha-usaha yang boleh dilaksanakan untuk memajukan industri inap desa di negara kita.** Panjang huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.*

Kerajaan melalui Kementerian Pelancongan sedang berusaha menaik taraf industri inap desa di seluruh negara dengan memberi bantuan kewangan dan latihan pengendalian inap desa kepada peserta. Selain itu, kerajaan juga bersetuju untuk menyediakan infrastruktur yang lengkap serta berusaha mempromosikan inap desa di dalam dan di luar negara. Pihak kerajaan berharap dengan langkah bersepadu ini dapat menarik minat pelancong terutamanya pelancong asing memilih Malaysia sebagai destinasi percutian.

Dipetik dan diubah suai daripada “*Panduan Pengendalian Homestay*”,
Kementerian Pelancongan Malaysia, Kuala Lumpur.

[Lihat Halaman Sebelah

Bahagian B

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

[100 markah]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Dalam era globalisasi kini, pengaruh teknologi maklumat memungkinkan manusia berinteraksi dengan lebih mudah, cepat, dan efisien.

Nyatakan pendapat anda tentang faedah-faedah menguasai teknologi maklumat kepada golongan remaja.

- 2 Semangat patriotik yang semakin luntur dalam kalangan remaja kini berpunca daripada kurangnya penekanan oleh ibu bapa.

Huraikan langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh ibu bapa untuk menerapkan semangat patriotik dalam jiwa anak-anak.

- 3 Bioteknologi merupakan proses menggunakan sel atau organisma sebagai bahan asas untuk menghasilkan sesuatu produk. Pendekatan ini sememangnya mampu membuka peluang baharu kepada peningkatan ekonomi negara. Sebagai Pegawai Jabatan Pertanian, anda dikehendaki memberikan ceramah tentang kepentingan bioteknologi dalam bidang pertanian kepada petani di tempat anda.

Tulis ceramah anda selengkapnya.

- 4 Peningkatan pelaburan asing boleh dilihat sebagai salah satu kayu ukur kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara.

Bincangkan faedah-faedah yang akan dinikmati oleh negara-negara terlibat dalam pelaburan asing.

- 5 Pengarang sering menjadikan novel sebagai salah satu medium untuk menyampaikan pengajaran kepada masyarakat.

Huraikan pengajaran-pengajaran yang diperoleh daripada sebuah novel yang anda baca.

KERTAS SOALAN TAMAT



**BAHAGIAN PENGURUSAN
SEKOLAH BERASRAMA PENUH & SEKOLAH KECEMERLANGAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**PERATURAN PEMARKAHAN
PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011**

BAHASA MELAYU

Kertas 1

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 11 halaman bercetak

Bahagian A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan**[30 markah]****KRITERIA PENSKORAN**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	<p>26 – 30</p> <p>atas (28 – 30)</p> <p>(26 – 27) bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> Karangan <u>menepati</u> tema bahan rangsangan. Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sisitem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan <u>tepat.</u> Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan <u>ungkapan yang menarik</u> (peribahasa, slogan, kata-kata ucapan) Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas dan <u>matang.</u>
Kepujian	<p>20 – 25</p> <p>atas (23 – 25)</p> <p>(20 – 22) bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> Karangan <u>menepati</u> tema bahan rangsangan. Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi. Penggunaan kosa kata <u>luas.</u> Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan <u>jelas.</u>

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Memuaskan	<p>15 – 19</p> <p>atas (17 – 19)</p> <p>(15 – 16) bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> Karangan <u>masih</u> menepati tema bahan rangsangan. Bahasa <u>masih</u> gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca <u>masih</u> betul dan tepat. Ejaan <u>masih</u> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata umum. Wacananya <u>masih</u> lengkap. Unsur bahasa <u>masih</u> bervariasi. Idea <u>masih</u> relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea <u>masih</u> jelas.
Kurang memuaskan	<p>10 – 14</p> <p>atas (12 – 14) (10 – 11) Bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> Karangan <u>kurang</u> menepati tema bahan rangsangan. Bahasa <u>kurang</u> gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tata bahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat <u>kesalahan ejaan yang ketara</u>. Penggunaan kosa kata <u>terhad</u>. Wacana <u>kurang</u> lengkap. Unsur bahasa <u>kurang</u> bervariasi. Idea <u>kurang relevan</u> dengan tema bahan rangsangan huraian <u>kurang jelas</u>.
Pencapaian Minimum	<p>01 – 09</p> <p>atas (06 – 09)</p> <p>(01 – 05) bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> Calon <u>tidak</u> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. <u>Banyak</u> kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. Idea <u>tidak</u> menepati tema bahan rangsangan.

***Ungkapan menarik : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud al-Quran dan lain-lain.**

Bahagian B: Karangan Respons Terbuka**[100 markah]****PERINCIAN PEMARKAHAN****Cara Pemeriksaan**

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan:
 - a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa
 - b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan
3. **Kesalahan format** hendaklah ditolak **maksimum 2 markah**.
4. **Kesalahan ejaan** hendaklah ditolak $\frac{1}{2}$ markah dan pemotongan **maksimum 3 markah**. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.
5. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

() = Kesalahan isi

_____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

○ = Kesalahan tanda baca

KRITERIA

KRITERIA	DESKRIPSI
1. BAHASA (Mekanis)	<ul style="list-style-type: none"> • Kegramatisan – kata (morfologi) - ayat (sintaksis) • Tanda baca • Ejaan
2. LARAS (Dinamis)	<ul style="list-style-type: none"> • Pemilihan kosa kata
3. IDEA (ISI)	<ul style="list-style-type: none"> • Tema • Isi utama • Pengembangan (huraian/ bahasa/hujahan/ contoh) • Kerelevanan
4. PENGOLAHAN	<ul style="list-style-type: none"> • Wacana • Logik • Pemerenggan • Format
5. GAYA BAHASA	<ul style="list-style-type: none"> • Keindahan bahasa • Ungkapan • Peribahasa

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	80 – 100	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis. Ejaan dan tanda baca betul Laras bahasa sesuai dengan tugas Penggunaan kosa kata luas dan tepat Idea relevan mengikut tugas, diuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai. Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. Penggunaan unsur bahasa bervariasi Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.
	(90 – 100)	
	(80 – 89)	
KEPUJIAN	66 – 79	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum Ejaan dan tanda baca betul Laras bahasa sesuai dengan tugas. Penggunaan kosa kata luas dan tepat Idea relevan mengikut tugas, diuraikan dengan jelas, disertai dengan contoh yang sesuai. Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai. Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. Gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.
	(73 – 79)	
	(66 – 72)	

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
BAIK	51 - 65	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai. • Penggunaan ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Ejaan dan tanda baca masih betul. • Laras bahasa sesuai mengikut tugasan. • Penggunaan kosa kata umum. • Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai. • Pengolahan masih menarik, dan pemerenggan masih sesuai. • Wacana masih lengkap • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.
	(58 – 65)	
	(51 – 57)	
MEMUASKAN	36 – 50	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata terhad. • Ayat kurang gramatis. • Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Laras bahasa kurang sesuai. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai. • Pengolahan kurang menarik, pemerenggan kurang sesuai. • Wacana masih / kurang lengkap • Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.
	(43 – 50)	
	(36 – 42)	

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
KURANG MEMUASKAN	21 – 35 (28 – 35) (21 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan <u>kata</u> kurang tepat. Ayat <u>tidak gramatis</u> tetapi masih difahami. Terdapat <u>kesalahan ejaan dan tanda baca</u> yang ketara. <u>Idea masih relevan / idea bercampur aduk</u> dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan <u>contoh tidak sesuai</u>. <u>Pengolahan</u> tidak menarik. <u>Wacana</u> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang. <u>Unsur bahasa</u> tidak bervariasi. <u>Gaya bahasa</u> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah.
PENCAPAIAN MINIMUM	01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> Keseluruhan menunjukkan penggunaan <u>kata</u> dan <u>ayat</u> yang tidak gramatis. Kesalahan <u>ejaan</u> dan <u>tanda baca</u> yang ketara. <u>Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/</u> tidak berkembang dan <u>contoh tidak sesuai</u>. <u>Pengolahan</u> tidak menarik. <u>Wacana</u> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai. <u>Gaya bahasa</u> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik. Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami.

Cara menulis

K	-	Peringkat markah
- E	-	Mak 3 markah
- F	-	Mak 2 markah
Jumlah	-	Markah bersih

Contoh

K	-	75
- E	-	03
- F	-	02
J	-	70

Bahagian A

Karangan berdasarkan bahan rangsangan (petikan ringkas) : Usaha-usaha untuk memajukan Industri Inap Desa.

Cadangan Isi :

- 1) Memberi bantuan kewangan kepada peserta untuk menaik taraf rumah, bilik, dan perabot.
 - 2) Latihan pengendalian inap desa kepada peserta dari segi sambutan, layanan, kemasan bilik dan sopan santun
 - 3) Menyediakan infrastruktur yang lengkap/ perhubungan, bekalan api/air, dan pengangkutan.
 - 4) Mempromosikan inap desa di dalam dan di luar negara/ iklan media cetak/ media elektronik/ jemputan/lawatan penanda aras.
- Calon boleh menambah idea-idea lain yang tiada dalam bahan rangsangan, tetapi dengan syarat mesti membincangkan idea-idea yang terdapat dalam bahan rangsangan.
 - Calon yang tidak langsung menyentuh idea dalam bahan rangsangan, tidak layak untuk kategori cemerlang, walaupun bahasa dan pengolahan baik.

Bahagian B**SOALAN 1**

Calon diharapkan dapat menyatakan pendapat tentang faedah-faedah menguasai teknologi maklumat kepada golongan remaja.

Kemungkinan:

- Calon menyatakan faedah-faedah menguasai teknologi maklumat secara umum tanpa menyentuh golongan remaja: Maksimum peringkat baik sekiranya bahasa baik.

Cadangan isi

- mudah mendapat maklumat tanpa perlu pergi ke perpustakaan
- menyediakan / menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru/pensyarah dengan cepat / lebih menarik
- sebagai persediaan menghadapi alam pekerjaan
- sejajar dengan kehendak negara untuk melahirkan generasi celik ilmu
- mudah berhubung dengan rakan / meluaskan rangkaian sahabat

SOALAN 2

Calon diharapkan dapat menghuraikan langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh ibu bapa dalam menerapkan nilai patriotisme dalam jiwa remaja.

Kemungkinan:

- Calon menghuraikan tentang semangat patriotik secara umum : Maksimum peringkat baik sekiranya bahasa baik.

Cadangan isi:

- Membelikan anak-anak buku bercorak sejarah sejak kecil
- Membawa anak-anak melawat tempat-tempat bersejarah.
- Menceritakan kepada anak-anak jerih payah pahlawan Melayu dalam mempertahankan negara
- Menggalakkan anak-anak menyertai pertandingan yang berunsurkan patriotisme
- Membawa anak-anak menghadiri kempen atau sambutan yang berkaitan dengan patriotisme

SOALAN 3

Calon diharapkan dapat menulis sebuah ceramah tentang kepentingan bioteknologi kepada petani.

Kemungkinan :

- Calon menulis tentang kepentingan bioteknologi secara umum : Maksimum peringkat baik sekiranya bahasa baik.

Cadangan isi:

- Menambahkan pendapatan golongan petani
- Meningkatkan kualiti hasil pertanian – tahan penyakit
- mempelbagaikan produk/barangan dan perkhidmatan
- menyediakan peluang pasaran baru
- peluang untuk maju dengan bantuan dan sokongan daripada kerajaan
- menambah bilangan petani moden

* Markah ditolak sekiranya tiada:

kata alu-aluan - 1 m

kata panggilan audien - 1 m

penutup - 1 m

(markah format ditolak maksimum 2 m)

SOALAN 4

Calon diharapkan dapat membincangkan faedah yang dinikmati oleh negara-negara yang terlibat dalam pelaburan asing.

Kemungkinan :

- Calon membincangkan faedah kepada Malaysia sahaja. (Maksimum peringkat Baik - sekiranya bahasa cemerlang)
- Calon membincangkan faedah pelaburan asing secara umum sahaja tanpa menyebut mana-mana negara: maksimum peringkat Memuaskan; sekiranya bahasa cemerlang)

Cadangan isi :

- membawa masuk teknologi dan sistem pengurusan yang lebih moden serta tenaga profesional yang pakar dan produktif : melatih tenaga kerja tempatan, negara boleh meniru pengurusan yang lebih canggih;
- mengurangkan kadar pengangguran kerana wujudnya peluang kerja yang banyak dalam pelbagai sektor : pelaburan asing bertambah, maka peluang pekerjaan akan meningkat, pendapatan perkapita negara akan meningkat, taraf hidup rakyat semakin baik : mengurangkan kadar jenayah.
- menambahkan pendapatan negara : daripada bayaran cukai, mengurangkan pengaliran wang keluar, bahan mentah dapat diproses di dalam negara dan harga lebih berdaya saing jika dieksport nanti;
- meningkatkan pembangunan infrastruktur seperti sistem pengangkutan, pelabuhan, bandar baru : taraf hidup dan sosial rakyat meningkat.
- mengeratkan hubungan kerjasama antara negara : mewujudkan iklim politik yang stabil.
- menjamin kejayaan wawasan negara menjadi sebuah negara maju.

SOALAN 5

Calon diharapkan dapat menghuraikan pengajaran-pengajaran yang diperoleh dan manfaatnya kepada calon.

Terima sebarang pengajaran sama ada cerita rekaan ataupun novel yang dipelajari untuk KOMSAS.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT